

## BAB 3

### PENGENALAN KEPADA THE ISLAMIC FOUNDATION

#### 3.1 Pendahuluan

Bab ini cuba melihat latarbelakang penubuhan The Islamic Foundation (IF), objektif, pentadbiran, kewangan, lokasi dan bangunan yang terdapat di IF dan Markfield Institute of Higher Education (MIHE). Peranan IF dalam dakwah akan dibincang secara khusus dalam bab empat.

#### 3.2 Sorotan Karya

Terdapat kajian-kajian dan tulisan-tulisan telah dilakukan mengenai IF. Kajian-kajian ini telah menyentuh IF dari berbagai dimensi dan aspek. Di antara kajian dan tulisan tersebut ialah:

1. *Impact International* (9-22 April 1976).

Kajian *Impact International* telah menyentuh secara ringkas peranan IF dalam bidang penerbitan dengan melakukan inisiatif menerbit dan menyebar bahan-bahan Islam dalam Bahasa Inggeris, Afrika dan lain-lain Bahasa Eropah.

2. Ataullah Siddiqui (*Muslims' Concern in Dialogue: A Study of Christian-Muslim Relation Since 1970*, Tesis Doktor Falsafah, University of Birmingham 1994).

Kajian Ataullah mendapati IF telah berperanan secara khusus dalam memupuk dialog dengan lain-lain komuniti beragama terutama dialog di antara Islam dan Kristian. Menurut Ataullah, IF sejak awal penubuhannya telah berusaha melaksanakan inisiatif dialog. Penubuhan Inter-Faith Unit pada tahun 1978 misalnya dan penyertaan pimpinan IF dalam Leicester Council of Faith menurut Ataullah adalah bukti komitmen IF dalam dialog.

3. Jorgen Nielsen. (The Islamic Foundation, dalam John L. Esposito, *Oxford Encyclopedia of The Modern Islamic World*, 1996. New York: Oxford University Press) dan Ron Geaves (*Sectarian Influences Within Islam in Britain*, 1996. Leeds: University of Leeds).

Dalam kajian tersebut, Nielsen dan Geaves telah menyentuh tentang sejarah penubuhan dan peranan IF secara ringkas dalam menyebarkan mesej Islam melalui kegiatan penyelidikan, latihan dan penerbitan. Berhubung dengan perkara ini, IF menurut Nielsen telah berperanan menganjurkan seminar dan menerbitkan buku-buku yang bertemakan al-Qur'an, Hadith, Sirah, Syariah, Tasawuf dan kanak-kanak.

4. Mumtaz Ali (*Muslim Communities in Britain*, 1996. Petaling Jaya: Pelanduk Publications).

Kajian Mumtaz Ali mendapati bahawa gambaran tidak tepat tentang Islam dengan tulisan-tulisan yang prejudis oleh sesetengah penulis Barat telah menjadi asas kepada penubuhan IF. Tertubuhnya IF menurut kajian Mumtaz Ali bertujuan menyediakan alternatif kepada gambaran Islam dari perspektif yang sebenar melalui aktiviti penyelidikan dan penerbitan.

5. Gilles Keppel (*Allah in The West*, 1997. ).

Gilles Keppel dalam kajiannya berpendapat IF telah berperanan dalam melobi organisasi-organisasi Islam di Britain agar bersatu menentang dan memprotes buku *Satanic Versus*.

6. Tulisan-tulisan lain mengenai IF telah dilakukan oleh Larry Poston (*Islamic Da'wah in The West*, 1992. New York: Oxford University Press). Philip Lewis (*Islamic Britain*, 1994. London: I.B.Tauris) dan Manazir Ahsan&Mustaffa MacDermott (*MuslimGuide*, 1996. Leicester: The Islamic Foundation).

Tulisan oleh Larry Poston, Philip Lewis, Manazir Ahsan dan Mustaffa MacDermott telah menyentuh secara ringkas dan umum tentang latarbelakang dan aktiviti yang dijalankan IF.

Kajian-kajian yang dilakukan mengenai IF tersebut masih bersifat umum dan tidak mendalam. Cuma kajian yang dilakukan Ataullah Siddiqui sahaja yang lebih khusus tetapi masih bersifat partial dan tidak menyeluruh. Sehubungan dengan itu, kajian yang lebih komprehensif, mendalam dan berfokus berhubung peranan IF dalam dakwah perlu dilakukan.

### **3.3 Latarbelakang Penubuhan The Islamic Foundation**

The Islamic Foundation (IF) ditubuhkan pada tahun 1973<sup>1</sup>. Tokoh terpenting di sebalik penubuhan IF ialah Prof.Kurshid Ahmad seorang sarjana ekonomi Islam.

---

<sup>1</sup>*The Islamic Foundation: An Introduction* (t.t). Leicester: The Islamic Foundation.

Idea penubuhan IF tercetus pada tahun 1966 apabila beliau dijemput oleh FOSIS untuk menyampaikan beberapa siri syarahan di pelbagai universiti di Britain. Melalui siri-siri syarahan tersebut, beliau dan beberapa rakan yang lain membayangkan kemungkinan mewujudkan sebuah organisasi pendidikan, penyelidikan, dakwah dan penerbitan. Setelah melalui beberapa perbincangan, akhirnya IF berjaya ditubuhkan. Ia didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan kebijakan agama dan pendidikan pada tahun 1971<sup>2</sup>.

Menurut Director Generalnya, Dr.Manazir Ahsan, IF di peringkat awal penubuhannya beroperasi di pejabat kecil yang terletak di alamat 3-7 Keythorpe Street, Leicester. Pada ketika itu ia hanya mempunyai tiga orang kakitangan sahaja iaitu Prof.Kurshid Ahmad, Dr.Manazir Ahsan dan seorang setiausaha<sup>3</sup>. (Gambar pejabat asal The Islamic Foundation boleh dilihat dalam lampiran di bahagian akhir tesis ini).

Setelah tiga tahun ditubuhkan, IF mendapat ruang pejabat yang lebih besar dan baik, iaitu di bangunan kerajaan di 223, London Road, berdekatan dengan University of Leicester<sup>4</sup>.(Sila lihat gambar pejabat The Islamic Foundation di 223. London Road, Leicester dalam lampiran bahagian akhir tesis). Kemudahan yang lebih baik dari segi saiz pejabat dan penambahan jumlah kakitangan membolehkan IF bergerak lebih efektif melaksanakan pelbagai program dakwah.

---

<sup>2</sup>Ataullah Siddiqui (1994), "Muslims' Concern in Dialogue: A Study of Christian-Muslim Relations Since 1970" (Tesis Doktor Falsafah, Universiti of Birmingham), h.163.

<sup>3</sup>Manazir Ahsan, Director General IF, temubual, 22 Jun 2000.

<sup>4</sup>*Ibid.*

Tahun 1990 menandakan dimensi baru bagi IF di mana ia telah mendapat satu lokasi yang lebih besar dan selesa. IF berpindah dari London Street ke sebuah kawasan seluas 9.3 ekar. Kawasan ini mempunyai sebuah kompleks yang lengkap dengan segala kemudahan untuk menjadi pusat penyelidikan, pendidikan dan dakwah. Kompleks ini diberi nama Markfield Conference Centre. Antara kemudahan-kemudahan yang terdapat di kompleks ini ialah bangunan pentadbiran, perpustakaan, asrama (untuk penginapan tetamu, penyelidik dan peserta), kedai buku, dewan konferen dan dewan sembahyang<sup>5</sup>. (Gambar pejabat baru, Markfield Conference Centre terdapat dalam lampiran bahagian akhir tesis).

Sejak penubuhannya, IF mengalami perkembangan yang pesat. Bermula dengan jumlah tenaga kerja yang sedikit dan kewangan yang terhad, kini IF mempunyai 30 orang kakitangan sepenuh masa dan 10 orang kakitangan separuh masa<sup>6</sup>. Perkembangan ini boleh dianggap baik bagi sebuah organisasi yang berusia 32 tahun yang tidak mendapat apa-apa bantuan kewangan daripada pihak kerajaan. Ia bergerak sebagai sebuah badan bebas. Kini IF bergerak secara aktif menyebarkan mesej Islam yang universal melalui pelbagai program dalam bidang pendidikan, latihan, penyelidikan, penerbitan dan dakwah.

### 3.4 Objektif Penubuhan IF

Moto IF ialah *make Islam a living reality*. Menurut pengasas IF, Prof.Kurshid Ahmad, *make Islam a living reality* bermaksud Islam hendaklah diterjemah sebagai

---

<sup>5</sup>Ron Geaves (1996), *op.cit.*, h.202.

<sup>6</sup>Manazir (2000), *op.cit.*

way of life atau satu cara hidup ke dalam realiti masyarakat melalui kegiatan penyelidikan, pendidikan, penerbitan dan dakwah<sup>7</sup>. Moto ini adalah selaras dengan saranan al-Qur'an agar Islam dijadikan sebagai satu cara hidup dalam segala aspek. Al-Qur'an menyatakan hal ini:

يَتَأْتِيهَا الْذِينَ ءَمْتُو أَذْخُلُوهُ فِي الْيَلْمَ كَفَةً

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang beriman masuklah kamu ke dalam Ugama Islam (dengan mematuhi) segala hukum hakamnya"*

Terjemahan Surah al-Baqarah (2): 208.

Moto ini juga menjadi asas kepada hala tuju dan objektif IF untuk bergerak sebagai sebuah institusi atau organisasi pendidikan, latihan, penyelidikan, penerbitan dan dakwah.

Objektif penubuhan IF secara khusus ialah<sup>8</sup>:

1. Menggalakkan penyelidikan ke arah melaksanakan Islam dalam dunia moden
2. Memprojek imej Islam di Britain dan Eropah dan ;
3. Memenuhi keperluan-keperluan pendidikan masyarakat Islam khususnya golongan muda

---

<sup>7</sup>Kurshid Ahmad. Pengerusi IF. temubual. 31 Mei 2002.

<sup>8</sup>The Islamic Foundation (t.t). *The Islamic Foundation: Objectives, Activities, Projects*, h.3. (Lihat juga Jorgen S.Nielsen (1989). "The Islamic Foundation". John L.Esposito, dalam *The Oxford Encyclopedia of The Modern Islamic World*. Vol.2. New York: Oxford University Press, h.309).

Objektif ini juga selaras dengan tulisan Director General IF, Dr. Manazir Ahsan yang menekankan bahawa IF ditubuhkan dengan tujuan<sup>9</sup>:

1. Merangsang kefahaman yang lebih jelas mengenai Islam di kalangan masyarakat Islam dan masyarakat non-Muslim
2. Memupuk hubungan yang lebih baik di antara masyarakat pelbagai agama
3. Menyumbang kepada kewujudan masa depan yang lebih baik untuk semua pihak.

Sementara itu, di dalam buku pengenalan IF di dalam Bahasa Arab bertajuk *al-Mu'assasah al-Islāmiyyah* termaktub matlamat yang lebih khusus iaitu berkaitan kepentingan umat Islam. Matlamat tersebut ialah<sup>10</sup>:

1. Menyubur dan mengembangkan kefahaman Islam yang mendalam di kalangan generasi Islam sebagai persediaan menghadapi cabaran-cabaran masakini.
2. Memelihara pemuda Islam yang mendapat pendidikan dalam sistem pendidikan Barat. Berdasarkan latarbelakang tersebut, warisan Islam dan aqidah mereka perlu dijaga dan dipertahankan sebagai persediaan menghadapi perubahan yang menyeluruh dalam aspek akhlak dan kemasyarakatan dan pemikiran Barat.
3. Menggalakkan aktiviti penyelidikan dan seterusnya menghasilkan penerbitan dalam pelbagai bidang seperti pengajian al-Qur'an, Sirah

---

<sup>9</sup>Manazir (2000), *loc.cit.*

<sup>10</sup>The Islamic Foundation (t.t), *al-Mu'assasah al-Islāmiyyah*. Leicester: The Islamic Foundation, h.5.

rasul, perundangan, ekonomi Islam serta isu-isu semasa yang memberi kesan kepada kehidupan umat Islam.

Objektif-objektif tersebut walaupun dari satu sudut kelihatan bertentangan di antara satu sama lain. Namun dari sudut yang lain, objektif tersebut menuju kepada satu titik persamaan, iaitu ke arah menyebarkan mesej Islam secara jelas, sistematik dan berkesan kepada masyarakat sama ada Muslim maupun Non-Muslim. Ini selaras dengan tuntutan seruan Islam supaya dakwah disampaikan kepada semua lapisan masyarakat secara bijaksana dan berkesan.

Bertitik-tolak daripada objektif tersebut IF bergerak aktif melaksanakan pelbagai kegiatan berkaitan penyelidikan, pendidikan dan latihan, penerbitan dan dakwah dalam rangka menghakis salah faham atau kekeliruan terhadap Islam di kalangan non-Muslim dan meningkatkan kefahaman dan penghayatan Islam di kalangan masyarakat Islam. Salah faham dan kekeliruan tersebut menurut Dr. Manazir adalah berpunca dari media, dan bahan bacaan serta warisan orientalis<sup>11</sup>.

Oleh itu, bidang yang berkaitan dengan penyelidikan, pendidikan dan latihan, penerbitan dan dakwah dianggap oleh Dr. Manazir sebagai mekanisme penting dalam menghapuskan kekeliruan tersebut sekaligus menonjolkan imej Islam yang betul. Matlamat untuk mengikis salah faham terhadap Islam ini telah juga dinyatakan oleh pengasasnya, Prof. Kurshid Ahmad. Beliau menggunakan tiga

---

<sup>11</sup>Manazir (2000), *op.cit.*

istilah bagi menggambarkan keadaan Islam yang telah disalah faham, iaitu *information*, *misinformation* dan *disinformation*<sup>12</sup>. Ketiga-tiga perkara ini menurut Prof.Kurshid perlu dianalisa dan diteliti dalam rangka membetulkan salah faham yang wujud terhadap Islam<sup>13</sup>. Menyebar dan menyampai ajaran Islam secara jelas dan nyata ini adalah seiring dengan semangat al-Qur'an yang menyatakan:

قُلْ هَذِهِ سَبِيلٌ أَدْعُوكُمْ إِلَى اللَّهِ عَلَى بَصِيرَةٍ أَنَّا وَمِنْ أَنْتُمْ بَعْنَى

Maksudnya:

*“Katakanlah (Wahai Muhammad): Inilah jalanku. Aku dan orang-orang yang menurutku, menyeru manusia umumnya kepada ugama Allah dengan berdasarkan keterangan dan bukti yang jelas dan nyata”.*

Terjemahan Surah Yusuf (12): 108.

Bagi merealisasikan matlamat yang telah digariskan agar menjadi kenyataan, IF telah terlibat secara langsung, aktif dan berterusan dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan latihan dan dakwah yang melibatkan pelbagai sasaran dakwah, Muslim mahupun non-Muslim.

### 3.5 Pentadbiran

Perjalanan sesebuah organisasi ditentukan oleh aspek pengurusan pentadbiran yang cekap. Pentadbiran yang cekap penting bagi mencapai matlamat sesebuah organisasi. Bagi mewujudkan sebuah pentadbiran yang cekap dan berwibawa IF

<sup>12</sup>Information menurut tafsiran IF merujuk kepada makna mendapat maklumat tetapi bukan daripada sumber yang asli, misinformation ialah mendapat maklumat yang salah dan disinformation ialah tidak mendapat maklumat (Kurshid Ahmad, Pengurus IF, temubual, 31 Mei 2002).

<sup>13</sup>Ataullah (1991), *loc.cit.*

telah menubuhkan sebuah lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Pemegang Amanah (Board of Trustees).

Lembaga Pemegang Amanah bermesyuarat dari semasa ke semasa bagi menentukan sesuatu polisi dan juga memastikan segala program dapat berjalan dengan baik. IF mempunyai enam belas orang ahli Lembaga Pemegang Amanah yang diketuai oleh seorang pengurus. Bidang kuasa dan tugas Lembaga ialah<sup>14</sup>:

1. menggubal sesuatu polisi
2. meluluskan belanjawan
3. merancang aktiviti IF
4. melantik Pengurus, Director General, Setiausaha dan Bendahari untuk jangkamasa tiga tahun.

Dari fakta yang dikemukakan di atas, dapatlah dirumuskan bahawa fungsi atau tugas serta bidang kuasa Lembaga ialah berkaitan dengan aspek penentuan dasar, kewangan, program dan penentuan barisan kepimpinan bagi mengetuai IF. Dengan lain perkataan, Lembaga Pemegang Amanah seperti yang diterangkan oleh pengurusnya, Prof.Kurshid Ahmad mempunyai kuasa pemutus (final authority)<sup>15</sup>. Ketiga-tiga aspek ini sangat penting malah menjadi penentu kepada maju atau mundurnya organisasi tersebut. Carta 1 di halaman 154 menunjukkan dengan lebih jelas mengenai struktur organisasi pentadbiran IF.

---

<sup>14</sup>The Islamic Foundation (t.t), *op.cit.*

<sup>15</sup>Kurshid Ahmad, Pengurus IF, temubual, 31 Mei 2002.

**Carta 1: Struktur Organisasi Pentadbiran IF**



Pembahagian dua Jawatankuasa, iaitu Jawatankuasa Pentadbiran (Administrative Committee) dan Jawatankuasa Akademik (Academic Committee) seperti yang dikemukakan di dalam carta 1 di atas boleh memudahkan pengurusan dan pentadbiran IF.

### **3.5.1 Jawatankuasa Pentadbiran**

Jawatankuasa ini terdiri daripada enam orang ahli, iaitu Pengerusi IF, Director General, dua Timbalan Director dan dua Pemegang Amanah Raya tempatan. Jawatan kuasa pentadbiran IF berperanan mengawasi dan memantau aspek-aspek berhubung dengan pentadbiran, perhubungan awam, kesetiausahaannya, unit/bahagian percetakan, pengedaran dan Markfield Conference Centre. Jawatan kuasa ini bermesyuarat setiap bulan bagi memastikan perjalan pentadbiran IF berjalan dengan baik<sup>16</sup>.

<sup>16</sup>Manazir (t.t), *The Islamic Foundation*, h.1-2.

Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa Jawatankuasa Pentadbiran terlibat secara langsung dalam mengurus dan menyelia aktiviti harian IF (day to day management) supaya berjalan lancar mengikut perancangan.

### **3.5.2 Jawatankuasa Akademik**

Jawatankuasa Akademik diwujudkan untuk mengawasi program-program berkaitan hal-ehwal akademik. Para Ahli Jawatankuasanya akan bermesyuarat dari semasa ke semasa mengikut keperluan<sup>17</sup>. Termasuk juga dalam bidang kuasa Jawatankuasa Akademik ialah menentu dan menjalankan kegiatan penyelidikan<sup>18</sup>.

Di bawah jawatankuasa ini terdapat unit-unit yang mempunyai tugas dan peranan masing-masing. Unit-unit yang terdapat di bawah Jawatankuasa Akademik ialah (untuk keterangan lebih jelas tentang unit-unit ini sila lihat carta 2 di muka sebelah):


1. Unit Ekonomi Islam
2. Unit Pendidikan dan Latihan
3. Unit Interfaith
4. Unit Pengajian Islam, Qur'an dan Seerah,
5. Unit Islam di Eropah
6. Unit Audio-Visual
7. Unit Komputer
8. Unit Perpustakaan & Dokumentasi

---

<sup>17</sup>*Ibid.*, h.2.

<sup>18</sup>Chowdhury Mueen-Uddin, Timbalan Ketua Pengarah IF, temubual, 7 Jun 2002.

Carta 2: Unit-Unit Jawatankuasa Akademik



Setiap unit mempunyai fungsi dan bidang tugas masing-masing. Fungsi setiap unit yang berada di bawah Jawatankuasa Akademik adalah seperti berikut:

### 1) Unit Ekonomi Islam

Unit ini beroperasi sejak tahun 1976 dan mempunyai seorang penyelaras. Objektif unit ini ialah<sup>19</sup>:

1. Membuat penyelidikan dalam bidang ekonomi Islam
2. Menganjur seminar dan konferen
3. Menerbit buku-buku mengenai ekonomi Islam

Unit ini telah menerbitkan lebih daripada 25 judul buku tentang ekonomi Islam dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya<sup>20</sup>. Koleksi khusus tentang ekonomi Islam, perbankan dan kewangan telah juga diusahakan oleh unit ini. Satu lagi kegiatan yang diterokai oleh IF yang diletakkan di bawah Unit Ekonomi Islam ialah bidang pendidikan.

Kerjasama Persefahaman (MoU) telah diadakan dengan Loughborough University of Technology sebagai sebahagian rancangan IF memperkenalkan ekonomi Islam kepada pelajar-pelajar universiti tersebut<sup>21</sup>. Kini unit ini masih giat menjalankan kegiatan penyelidikan, menganjur seminar dan konferen serta menerbitkan buku dan jurnal mengenai ekonomi Islam dan bidang yang berkaitan dengan ekonomi Islam.

---

<sup>19</sup> Abdul Kader Cachi, Penyelaras Unit Ekonomi Islam, temubual, 1 Jun 2002.

<sup>20</sup> *Ibid.*, h.3.

<sup>21</sup> The Islamic Foundation: An Introduction (t.t), *loc.cit.*, h.4.

## 2) Unit Pendidikan dan Latihan

Unit ini telah wujud sejak penubuhan IF, iaitu pada tahun 1973. Unit Pendidikan dan Latihan bertanggungjawab dalam memperkembang dan menyusun rancangan-rancangan pendidikan, latihan dan dakwah. Sehingga kini, unit ini bertanggungjawab secara langsung dalam melaksanakan program-program berikut, iaitu<sup>22</sup>:

- a) Latihan saudara baru (New Muslims Project)
- b) Program kesedaran kebudayaan (Cultural Awareness Programme)
- c) Latihan pelarian Bosnia
- d) Sekolah/kelas Bahasa Inggeris musim panas (English Language Summer School).
- e) Program latihan untuk belia dan kaum wanita

Latihan-latihan yang dirangka dalam program-program ini tersebut adalah meliputi masyarakat Muslim dan non-Muslim. Bagaimanapun ada di antara program di bawah unit pendidikan dan latihan ini yang tidak lagi berjalan. Contohnya program latihan pelarian Bosnia. Ini mungkin kerana krisis di Balkan sudah tamat dan pelarian tersebut telah dihantar pulang ke negara mereka.

## 3) Inter-Faith Unit

Inter-Faith Unit ditubuhkan pada tahun 1978. Tujuan unit ini ditubuhkan ialah<sup>23</sup>:

- a. untuk menjalankan penyelidikan dan kajian mengenai hubungan di antara Islam dan Kristian.

---

<sup>22</sup>The Islamic Foundation (t.t), *loc.cit.*

<sup>23</sup>Manazir (t.t), *loc.cit.*

- b. mengadakan dialog berkenaan kedua-dua agama tersebut
- c. menerbitkan bahan-bahan yang mendedahkan tentang misi Kristian di dunia Islam

Kajian ini mendapati unit ini berfungsi menjalankan kegiatan penyelidikan dan mengadakan dialog, ceramah dan seminar mengenai hubungan antara Islam dengan lain-lain kepercayaan. Program ini adalah sebahagian daripada usaha IF dalam menyebar mesej Islam universal dan meminimakan persepsi negatif masyarakat non-Muslim terutamanya Kristian terhadap Islam.

Inter-Faith Unit menurut Dr. Manazir terlibat dalam melakukan kajian pelbagai mengenai hubungan Islam, Kristian dan lain-lain kepercayaan serta menganjurkan dialog dengan mereka di pelbagai peringkat<sup>24</sup>. Selain dialog, unit ini turut aktif membina hubungan dengan lain-lain pertubuhan masyarakat beragama. Contohnya di peringkat lokal, unit ini telah menyertai Leicester Council of Faith, manakala di peringkat nasional pula menyertai National Network Inter-faith<sup>25</sup>.

Sehingga kini unit ini telah menerbitkan lebih kurang 20 kertas penyelidikan mengenai aktiviti missionari kristian di pelbagai negara Islam dan bukan Islam. Ia juga menerbitkan sebuah jurnal berhubung aspek kepercayaan antara agama iaitu Jurnal *Encounter* iaitu sebuah jurnal dwi-tahunan. Kesimpulannya dapatlah dikatakan bahawa tugas unit ini ialah melakukan

---

<sup>24</sup>Ibid.

<sup>25</sup>Ataullah Siddiqui. Felo Penyelidik IF. temubual, 31 Jun 2002.

penyelidikan, menganjurkan seminar dan mengambil inisiatif dialog dengan lain-lain komuniti beragama seperti Kristian.

#### 4) Unit Qur'an, Seerah dan Pengajian Islam

Unit ini ditubuhkan pada tahun 1973. Objektif unit ini ialah membuat kajian dalam bidang atau tema yang ada kaitan dengan al-Qur'an, Sirah dan Pengajian Islam<sup>26</sup>. Antara aktiviti yang dilakukan ialah projek terjemahan al-Qur'an. Setakat ini unit ini melaksanakan beberapa projek terjemahan seperti terjemahan kitab tafsir *Fi Zilal al-Qur'an*(*In The Shade of the Qur'an*, dua jilid) karya Syed Qutb, dan '*Tafhim al-Qur'an (Towards Understanding The Qur'an*, enam jilid) karya Mawdudi<sup>27</sup>. Selain projek terjemahan terdapat juga usaha menerbitkan bahan rujukan dalam aspek berkaitan al-Qur'an, Seerah dan Pengajian Islam seperti *Qur'an the Basic Teachings, Makkan Crucible* dan *Sunshine at Medina* dan lain-lain<sup>28</sup>.

#### 5) Unit Islam di Eropah

Unit Islam di Eropah telah ditubuhkan pada tahun 1992 bagi menggantikan Unit Islam di Asia Tengah yang telah dibubarkan pada tahun 1992 kerana masalah kewangan<sup>29</sup>. Objektif unit ini ditubuhkan ialah untuk melakukan penyelidikan tentang Islam dan komuniti Islam di Eropah dan menganjurkan konferen tentang bidang ini<sup>30</sup>.

---

<sup>26</sup>Adil Salahi, Penyelaras Unit Qur'an, Seerah dan Pengajian Islam, temubual, 7 Jun 2002.

<sup>27</sup>The Islamic Foundation (t.t), *loc.cit*.

<sup>28</sup>Katalog Penerbitan IF 2001-2002.

<sup>29</sup>M.A Karim, Bekas Penyelaras Muslim in Central Asia Unit, temubual, 1 Ogos 2002.

<sup>30</sup>DilwarHussain, Pembantu Penyelidik Islam in Europe Unit, temubual, 20 Julai 2000.

Kewujudan unit ini adalah sangat relevan dengan situasi perkembangan Islam yang semakin baik dan pertambahan bilangan penduduk Islam baik di Eropah secara umumnya maupun di Britain secara khususnya. Ia terlibat dalam mengumpul, mengelas, menganalisa bahan-bahan tentang Islam di Eropah serta menerbitkan buku-buku tentang Islam di Eropah seperti *To Be European Muslim* oleh Tariq Ramadan<sup>31</sup>. Ia juga mengajurkan seminar dan konferen mengenai Islam di Eropah dari pelbagai aspek<sup>32</sup> serta menerbitkan buku-buku mengenai Islam dan umat Islam di Eropah.

## 6) Unit Audio-Visual

Perkembangan teknologi moden terutama teknologi maklumat (IT) dan perkembangan zaman telah mendorong IF menubuhkan unit audio-visual. Unit ini ditubuhkan pada tahun 1983 dan diletakkan di bawah perpustakaan IF<sup>33</sup>. Ia berfungsi menerbitkan bahan-bahan Islam dalam bentuk audio-visual yang meliputi perkara-perkara berikut:

- a) program-program slide-tape
- b) video-video
- c) cerita kanak-kanak dalam audio-kaset
- d) poster dan peta
- e) permainan Islam dan kuiz dalam komputer (PCIQ)

---

<sup>31</sup>Buku Pengenalan IF (t.t), *op.cit.*, h.5.

<sup>32</sup>*al-Mu'assasah al-Islamiyyah* (t.t). Leicester: The Islamic Foundation, h.8.

<sup>33</sup>M.A Karim, Pembantu Pustakawan, temubual, 31 Mei 2002.

Penyediaan bahan-bahan berkaitan audio-visual adalah antara kaedah IF menyampaikan dakwah kepada masyarakat secara menarik dan berkesan<sup>34</sup>.

#### 7) Unit Komputer

Unit Komputer ini berperanan membantu kerja-kerja penyelidikan, latihan dan komunikasi<sup>35</sup>. Tujuan unit ini diwujudkan ialah untuk memberi kemudahan kepada pengguna perpustakaan terutamanya pelajar MIHE bagi mencari maklumat mengenai sesuatu kajian yang dilakukan. Sehingga kini, menurut M.A Karim<sup>36</sup>, Unit Komputer mempunyai 13 unit komputer. Ia memberi khidmat secara khusus kepada:

- a) peserta kursus seperti Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris
- b) pelajar MIHE

#### 8) Unit Perpustakaan dan Dokumentasi

Unit Perpustakaan dan Dokumentasi ialah sebuah unit yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan bahan-bahan rujukan sama ada berbentuk buku, majalah, jurnal dan sebagainya untuk para pengkaji dan penyelidik pelbagai latarbelakang. Unit ini juga berfungsi mendokumentasikan pelbagai isu semasa berkaitan masyarakat Islam terutama yang disiarkan akhbar-akhbar di Britain<sup>37</sup>. Pemerhatian dalam kajian ini mendapati kaedah pendokumentasian yang biasa dibuat oleh IF ialah melalui keratan-keratan akhbar berkenaan sesuatu topik atau isu yang dianggap perlu dan penting.

---

<sup>34</sup>Buku Pengenalan IF (t.t), *op.cit.*, h.2.

<sup>35</sup>*Ibid.*

<sup>36</sup>M.A Karim, *op.cit.*, 31 Mei 2002.

<sup>37</sup>Azmatullah Khan, Pustakawan, temubual, 28 Jun 2000.

Secara umumnya dapatlah dibuat kesimpulan bahawa Jawatankuasa Pentadbiran IF berperanan menentukan perjalan pentadbiran dan pengurusan agar segala program dapat berjalan dengan lancar. Sementara Jawatankuasa Akademik pula berperanan memastikan kelancaran program-program akademik dibawah unit-unit yang sedia ada. Kecekapan dan keberkesanannya program-program yang dirancang ditentukan oleh kecekapan kedua-dua Jawatankuasa tersebut yang diletakkan secara langsung di bawah pengawasan Director General.

### **3.6 Kewangan**

Kewujudan dan perjalanan sesebuah organisasi sangat berkait rapat dengan soal kewangan. Program-program yang dirancang tidak akan dapat dijalankan secara efektif tanpa sokongan sumber kewangan yang kukuh. Menyedari kepentingan aspek kewangan ini, IF telah mengambil langkah-langkah sewajarnya dalam menjana kewangannya. Menurut Dr. Manazir Ahsan, IF mempunyai empat saluran atau sumber pendapatan, iaitu Markfield Conference Centre, wakaf dan sumbangan secara tetap oleh Lembaga Pemegang Amanah, jualan buku dan lain-lain pendapatan<sup>38</sup>. Sumber-sumber pendapatan IF secara terperinci adalah seperti berikut:

#### **3.6.1 Pendapatan dari Markfield Conference Centre**

Markfield Conference Centre adalah aset kepada IF. Kewujudan pusat ini di samping memberikan perkhidmatan, telah juga menyediakan pendapatan yang

---

<sup>38</sup>Manazir, temubual, 22 Jun 2000.

tetap dan berterusan kepada IF. Pelbagai program telah diadakan di pusat ini, sama ada dianjurkan oleh pihak IF seperti seminar ataupun oleh pihak-pihak luar yang menggunakan kemudahan di IF telah memberikan pendapatan yang lumayan kepada organisasi ini. Secara umumnya, pendapatan IF yang dihasilkan oleh Markfield Conference Centre diperolehi melalui:

1. Seminar, konferen, bengkel dan seumpamanya yang dianjurkan oleh IF dari semasa ke semasa.
2. Sewaan dewan konference oleh agensi atau organisasi luar yang menggunakan kemudahan dewan dan lain-lain di IF
3. Sewaan bilik-bilik di IF oleh individu mahupun organisasi yang menganjurkan program tertentu mahupun menjalankan penyelidikan dengan kadar bayaran berpatutan. Kadar sewa bilik yang ditetapkan oleh IF semalam ialah 15 pound sterling. Kadar ini adalah agak murah berbanding lain-lain tempat.

Pada tahun 1999, terdapat 15 organisasi yang menggunakan kemudahan Markfield Conference Centre. Ini telah memberikan pulangan pendapatan yang baik bagi IF. Laporan tahun 1999 juga menunjukkan terdapat 34 program telah diadakan di pusat konferen ini sama ada oleh pihak IF sendiri atau oleh lain-lain pertubuhan dengan menghasilkan pulangan sewaan asrama dan dewan konferen berjumlah 30,000 pound sterling setahun<sup>39</sup>.

---

<sup>39</sup>The Islamic Foundation Annual Report 1999, *loc.cit.*

### 3.6.2 Pendapatan dari wakaf

Wakaf adalah salah satu institusi yang penting dalam sistem ekonomi Islam. Ia telah wujud sejak zaman Rasulullah lagi. Institusi-institusi pengajian Islam dalam praktikal sejarah Islam seperti sekolah, kolej dan universiti ditunjangi oleh sistem wakaf. Al-Qur'an telah mengisyaratkan tentang konsep dan kepentingan wakaf ini seperti berikut:

لَنْ تَنَالُوا أَلْيَرِ حَتَّىٰ شَنِيقُوا مِمَّا ثُجِبُونَ وَمَا شَنِيقُوا مِنْ شَاءُ  
فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya:

*"Kamu tidak sekali-kali akan mencapai(hakikat) kebaikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah lebih mengetahuinya"*

Terjemahan Surah al-Imran (3):92

Hamka dalam Tafsir Al-Azhar dalam komentarnya berhubung ayat ini berpendapat bahawa pra-syarat seseorang itu boleh dianggap baik ialah dengan memberi benda yang kita cinta atau suka kepadanya. Jika ini dapat dilakukan menurut beliau seseorang itu boleh diakui sebagai seorang yang baik dan telah mencapai kebaikan<sup>40</sup>. Mengikut Baydāwī, kesempurnaan kebaikan tidak akan dicapai sehingga seseorang itu menggunakan harta, kedudukan dan tenaga dijalankan Allah dan menolong manusia<sup>41</sup>.

<sup>40</sup>Hamka (1987). *Tafsir Al-Azhar*, jil.4. Jakarta: Pustaka Panjimas, h.6.

<sup>41</sup>Nasir al-Din Abi Sa'īd Abdullāh bin Umar Muḥammad al-Syirāzī al-Baydāwī (t.t), *Anwār al-Tanzīl Wa Asrār al-Ta'wīl*, Vol.2. Bayrūt: Dār Ṣādir, h.30.

Manakala hadith Rasulullah s.a.w pula menjelaskan wakaf seperti berikut:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: إِذَا مَكَّتَ الْإِيمَانَ افْتَطَعَ  
عَنْهُ حَتَّى لَا يَأْتِي إِلَيْكُمْ مِنْ كُلِّ كَوْنٍ إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ كَارِيَةٍ أَوْ عَلَمٍ يَتَقَوَّلُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَكْفُوِهِ لَهُ<sup>42</sup>

Maksudnya:

*“Apabila seseorang manusia, terputuslah amalannya melainkan tiga perkara, iaitu sedakah jariah, atau ilmu yang bermanfaat dengannya atau anak soleh yang mendoakannya<sup>42</sup>”*

Sayyid Sabiq dalam komentarnya berhubung hadith ini menyatakan bahawa yang dimaksudkan *Sadaqah Jāriyah* di dalam Hadith ini ialah wakaf<sup>43</sup>.

Wakaf dianggap salah satu sumber pendapatan utama dan tetap bagi IF. Sumber-sumber wakaf IF ialah pertamanya dari Ahli Lembaga Amanahnya yang menyumbang secara tetap dan berterusan setiap tahun. Keduanya melalui bangunan-bangunan perniagaan yang diwakafkan seperti berikut<sup>44</sup>:

1. Bangunan perniagaan di Boston dengan pendapatan tahunan 52,000 pound sterling.
2. Bangunan perniagaan di Bradford dengan pendapatan tahunan 24,000 pound sterling.
3. Bangunan perniagaan di Leeds dengan pendapatan 170,000 pound sterling
4. Bangunan perniagaan di Norfolk dengan pendapatan tahunan berjumlah 58,000 pound sterling.

<sup>42</sup> Muslim (1987), *Ṣaḥīḥ Muslim*, jil.3, Ma'mur Daud (terj.), Kitāb al-Waṣīyyah, hadith no.1614. Klang: Klang Book Centre, h.208.

<sup>43</sup> Sayyid Sabiq (1994), *Fiqh al-Sunnah*, jil.3. al-Qahirah: Dar al-Fath Li al-`Ilām al-`Arabiyy, h.307.

<sup>44</sup> Buku Aktiviti IF (t.t), *op.cit.*, h.38.

Jika dijumlahkan semua pendapatan daripada bangunan perniagaan tersebut, IF mempunyai pendapatan wakaf perniagaan sebanyak 304.000 pound sterling. Pendapatan yang diperolehi melalui harta wakaf dan wakaf tetap oleh Ahli Lembaga Amanah ini telah membantu melicinkan perjalanan pentadbiran dan program yang dirancang IF.

### 3.6.3 Pendapatan dari Jualan Buku

Kegiatan penerbitan telah memberikan pulangan yang baik kepada IF. Sejak penubuhannya IF giat menerbitkan buku dan menjualnya sama ada di Britain mahupun di luar Britain. Bagi melincinkan pengurusan dan memudahkan penjualan buku-bukunya, IF telah melantik stokis atau agen-agennya bagi menjual buku terbitannya. Stokis-stokis jualan buku IF terdapat di Birmingham, Bradford, Glasgow, Liverpool, London, Southhall, Manchester, Newcastle Upon-Tyne, Slough, Watford (kesemuanya di United Kingdom), Australia, Kanada, Jordan, Malaysia, Pakistan, Singapura, Afrika Selatan, Emiriah Arab Bersatu dan Amerika Syarikat<sup>45</sup>. IF juga menyertai pameran-pameran buku sama ada di peringkat nasional mahupun internasional sebagai strategi pemasaran bagi penerbitannya<sup>46</sup>.

Buku-buku IF telah dilanggan oleh pelbagai agensi di seluruh dunia. Di antara agensi atau pihak yang melanggan buku terbitan IF ialah Islamic Vision, Birmingham, I.R.H, Middlesex, Bait-ul-Hikmah, Newcastle, Specialty Academic Book Centre, Amman, Jordan, Islamic Book Service, Ontario, Kanada, Crescent

---

<sup>45</sup>Catalogue 1999/2000.

<sup>46</sup>Usma Mulla, Unit Penerbitan, tembusual, 13 Jun 2002.

Publishing House, New York, Amerika Syarikat, All Prints Distributors, Abu Dhabi, United Arab Emirates, Book Promoters (PVT) Ltd., Islamabad, Pakistan, The Muslim Converts' Association of Singapore, Singapura, AS Noordeen, Kuala Lumpur Malaysia dan International Book Services, Cape Town, Afrika Selatan<sup>47</sup>.

Hasil jualan buku ini yang telah dilanggan oleh agensi-agensi pelbagai negara tersebut telah mendatangkan hasil yang memuaskan bagi IF. Pada tahun 1998 misalnya, IF telah memperolehi keuntungan bersih sebanyak 257,329 pound sterling daripada hasil jualan buku-bukunya. Jumlah ini meningkat meningkat sebanyak 21% berbanding jualan tahun 1997, iaitu berjumlah 212,064 pound sterling<sup>48</sup>. Proses cetakan semula buku-buku bagi memenuhi permintaan orang ramai atau agensi-agensi tertentu juga merupakan sokongan kepada penjanaan kewangan IF. Jualan ini, di samping bersifat komersial, ia juga telah berperanan penting:

1. Dalam memberikan manfaat ilmu kepada masyarakat di seluruh dunia.
2. Merangsang budaya membaca dan,
3. Bertindak sebagai media dakwah

### 3.6.4 Lain-lain Pendapatan

IF juga memperolehi sumber kewangannya melalui sumber-sumber lain seperti derma sama ada oleh individu dermawan mahupun ahli-ahli perniagaan. Sumbangan ini diberikan dalam bentuk bantuan tajaan bagi melaksanakan sesuatu

---

<sup>47</sup> Sumber elektronik mel, Anwar Cara & Asma Mulla, Unit Penerbitan IF, 15 Jun 2003.

<sup>48</sup> Annual Report 1999, *loc.cit.*

program untuk dijayakan oleh IF. Antaranya ialah program penterjemahan kitab *Fi Zilal al-Qur'an* karya Syed Qutb dan terjemahan *Tafsir al-Qur'an* karya Maududi telah mendapat dokongan dan sokongan daripada para dermawan<sup>49</sup>.

Program terjemahan ini adalah sebahagian daripada projek IF menghantar buku-buku terjemahan ke negara-negara seperti Bosnia dan negara-negara Asia Tengah bagi membantu umat Islam di sana<sup>50</sup>. Bantuan dan sokongan kewangan daripada para dermawan ini telah meringankan bebanan kewangan IF dalam melaksanakan projek terjemahan tersebut.

Daripada keempat-empat sumber kewangan tersebut, harta wakaf dan sumbangan Ahli Lembaga Amanah dianggap sumber pendapatan utama bagi IF<sup>51</sup>. Bagaimanapun jika diperhatikan kepada fakta yang telah dikemukakan, sumber-sumber lain termasuk Markfield Conference Centre, bangunan asrama dan jualan buku juga telah memberikan pendapatan yang tetap kepada organisasi ini sekalipun ia tidak dianggap sebagai pendapatan utama. Jumlah keseluruhan pendapatan IF daripada semua pendapatan bagi tahun 1999 ialah 1,394,741 pound sterling dan bagi tahun 2000 pula ialah 1,878,853 pound sterling<sup>52</sup>. Ini menunjukkan adanya peningkatan pendapatan yang diperolehi IF.

Aspek kewangan atau pendapatan dianggap penting dalam menggerakkan aktiviti dakwah dengan lebih lancar. Ini kerana Islam juga menekankan tentang

---

<sup>49</sup>Manazir (2000), *op.cit.*

<sup>50</sup>*Ibid.*

<sup>51</sup>Manazir, 22 Jun 2000, temubual, *op.cit.*

<sup>52</sup> Sumber Laman Web IF, [www.islamic-foundation.org.uk](http://www.islamic-foundation.org.uk).

kepentingan kewangan sebagai medium yang perlu dalam menyebarkan mesej Islam. Al-Qur'an telah menegaskan tentang kepentingan ini:

يَتَأْتِيهَا أَلْذِينَ عَامَّوْا هَلْ أَذْلُكُمْ عَلَىٰ تِجَارَةٍ شُرِحَّتْ  
مِنْ عَذَابٍ أَلِيمٍ

Maksudnya:

*"Wahai orang-orang yang beriman, mahukah Aku tunjukkan kepada kamu satu perniagaan yang menyelamatkan kamu daripada azab yang pedih, iaitu beriman kepada Allah, berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa kamu"*

Terjemahan Surah al-Saff (61):10.

Berdasarkan ayat ini, dapatlah difahami bahawa aspek kewangan adalah satu aspek yang perlu dalam memastikan keberkesanan program dakwah yang dilaksanakan.

### 3.7 Lokasi dan Bangunan

IF mempunyai lokasi dan bangunan tersendiri yang dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur. Lokasi dan bangunan IF berpusat di sebuah kompleks yang diberi nama Markfield Conference Centre (MCC). Kompleks ini terletak di kawasan seluas 9.3 ekar dan jaraknya dari Leicester ialah lebih kurang 10 batu. Kompleks ini asalnya adalah sebuah kawasan milik pusat kesihatan kawasan<sup>53</sup>. Pihak IF telah membelinya pada akhir tahun 1980 dan mula beroperasi pada tahun 1990<sup>54</sup>. Segala kegiatan IF tertumpu di MCC. Fungsi MCC ini dijelaskan dalam buku IF yang

<sup>53</sup>Jorgen Nielsen (1989), Islamic Foundation, dalam John L. Esposito, *The Oxford Muslims Encyclopaedia*, Oxford: The Oxford University Press, h.309.

<sup>54</sup>Manazir (t.t), *op.cit.*, h.1.

menyatakan bahawa pusat ini menjadi fokus melaksanakan segala aktiviti dakwah dan pendidikan<sup>55</sup>.

MCC mempunyai kemudahan-kemudahan berikut:

### 1) Dewan Konferen (Conference Hall)

Dewan konferen ialah sebuah bangunan yang menempatkan dewan seminar dan kafeteria. Dewan konference ini digunakan untuk pelbagai program seperti seminar, konferen, bengkel, kursus dan sebagainya sama ada dianjurkan oleh pihak IF sendiri mahupun pihak luar. Dari segi kapasiti Dewan Konferen menurut S.Namuddin, Ketua Pentadbir IF boleh memuatkan peserta seramai 170 orang dalam satu-satu masa<sup>56</sup>. Pelbagai pertubuhan telah menggunakan Dewan Konferen untuk mengadakan pelbagai program dan aktiviti.

### 2) Bangunan Kediaman/Asrama

Bangunan kediaman atau asrama adalah bangunan yang menempatkan peserta kursus ataupun individu yang melakukan penyelidikan, kakitangan IF dan sebagainya. Ia terdiri daripada tiga blok bangunan iaitu<sup>57</sup>:

- Bangunan Mawdudi (Mawdudi Hall)
- Bangunan Ibn Taimiyah (Ibn Taimiyah Hall)
- Bangunan Hassan al-Banna (Hassan al-Banna Hall)

Ketiga-tiga bangunan tersebut boleh menampung 40 orang penghuni pada satu-satu masa. Asrama ini disewakan kepada peserta-peserta program, penyelidik,

---

<sup>55</sup>The Islamic Foundation (t.t). *op.cit.*, h.4.

<sup>56</sup>S.Naimuddin, IF Administration Director, temubual, 25 Mei 2002.

<sup>57</sup>Pemerhatian.

individu dan sebagainya. Ia mempunyai kemudahan-kemudahan seperti dapur, bilik air dan bilik T.V<sup>58</sup>. Untuk jangka masa akan datang, pihak IF dijangka memerlukan tambahan bangunan bagi menampung keperluan permintaan yang semakin meningkat apatah lagi dengan adanya MIHE.

### 3) Bangunan Pentadbiran

Bangunan pentadbiran adalah bangunan utama IF yang menempatkan pegawai-pegawai IF termasuk Director General dan Pengerusinya. Ia menjadi nadi kepada perjalanan pentadbiran IF. Segala urusan pentadbiran dijalankan di bangunan pentadbiran ini. Sebelum tahun 1997, bangunan ini juga menempatkan perpustakaan. Tetapi kini dengan perpustakaan telah berpindah ke bangunan baru. bangunan pentadbiran ini sudah menjadi bangunan tersendiri yang mengendalikan urusan pentadbiran, kesetiausahaan, menempatkan bilik-bilik penyelaras program atau unit seperti Unit Ekonomi Islam, Unit Islam di Eropah, Unit Inter-Faith dan bilik Ketua Pengarah dan Pengerusi IF<sup>59</sup>.

### 4) Bangunan Serbaguna

IF mempunyai dua bangunan serbaguna. Tinjauan mendapati bangunan-bangunan serbaguna ini mempunyai fungsi serbaguna seperti pendidikan, tempat perhimpunan sosial, tempat menuaikan solat. Satu bangunan digunakan oleh pihak Sekolah al-Ansar yang mengendalikan pengajian di peringkat pra-sekolah. Satu lagi bangunan dijadikan sebagai tempat menuaikan sembahyang berjemaah sama ada jemaah fardu lima waktu, solat jumaat dan lain-lain ibadat ritual<sup>60</sup>.

---

<sup>58</sup>S.Naimuddin, temubual, 25 Mei 2002.

<sup>59</sup>M.Suleiman, Ketua Kerani, temubual, 31 Mei 2002.

<sup>60</sup>Pemerhatian.

## 5) Bangunan Perpustakaan

Bangunan perpustakaan yang ada sekarang telah didirikan pada tahun 1997.

Pembinaan bangunan ini adalah ditaja oleh Bank Islam Jeddah<sup>61</sup>. Perpusatakan ini mempunyai dua tingkat, iaitu tingkat atas dan tingkat bawah. Tingkat bawah memuatkan<sup>62</sup>:

1. Enquiry Desk (meja pertanyaan)
2. Study Area (kawasan rujukan dan mentelaah)
3. Bay 1-24 (rak buku)
4. Reference Section (Ensiklopedia dan Kamus)
5. Qur'an Section (Bahagian al-Qur'an).

Tingkat dua pula mengandungi<sup>63</sup>:

1. Bilik Komputer
2. Store
3. Kabinet Video
4. Mikrofis
5. Jurnal (Arab, English, Urdu)
6. Islamic Economic Documentation Room.

Ia dibuka kepada orang awam. Perpustakaan IF mempunyai koleksi buku berjumlah 35,000 dalam pelbagai bidang dan 350 judul jurnal tentang Islam, dunia Islam dan isu-isu semasa. Sebagian besar buku yang terdapat di IF ialah buku-buku

<sup>61</sup>Azmatullah Khan, Pustakawan, temubual, 28 Jun 2000.

<sup>62</sup>Sistem maklumat IF, *Heritage*.

<sup>63</sup>*Ibid.*

berbahasa Inggeris iaitu sebanyak 20,000. Terdapat juga buku-buku dalam Bahasa Arab, Urdu, Jerman, Perancis dan lain-lain<sup>64</sup>.

Perpustakaan ini juga mempunyai unit dokumentasi yang mengandungi koleksi keratan (Paper Clippings) dan majalah dan sistem pencarian maklumat melalui komputer yang dinamakan *heritage*<sup>65</sup>. Perpustakaan ini dibuka kepada orang awam. Buat masa ini perpustakaan ini telah berjaya menarik ramai orang terutamanya para pelajar dan penyelidikan yang menggunakan sebagai pusat rujukan. Pembukaan perpustakaan ini kepada masyarakat awam adalah selaras dengan dasar dakwah supaya mesaj Islam disebarluaskan kepada semua lapisan masyarakat. Dengan ini, maklumat mengenai Islam dan lain-lain isu akan diperolehi terus daripada perpustakaan IF yang menyediakan bahan-bahan bacaan yang bermanfaat.

#### 6) Kedai buku

IF juga mempunyai sebuah kedai buku. Kedai buku IF berfungsi sebagai pusat menjual buku-buku terbitan IF sendiri dan lain-lain penerbit. Menurut Anwar Cara, terdapat lebih kurang 800 judul buku yang ada di kedai buku IF yang mengandungi pelbagai topik atau subjek seperti al-Qur'an, Sirah, Ekonomi Islam, Pemikiran Islam dan lain-lain dijual di sini. Daripada jumlah ini, menurut Asma Mulla, separuh daripadanya adalah terbitan IF<sup>66</sup>. Selain daripada buku, kedai ini

<sup>64</sup> Booklet *The Islamic Foundation* (t.t). Leicester: The Islamic Foundation.

<sup>65</sup> Azamatullah Khan, temubual, 28 Jun 2000.

<sup>66</sup> Anwar Cara, Sales & Production Executive dan Asma Mulla, Marketing & Admin. Co-Ordinator, temubual, 13 Jun 2002.

juga menjual video, kaset, poster dan lain-lain kepada pembeli. Pembeli boleh membeli terus atau menempah/order buku daripada kedai buku IF<sup>67</sup>.

## 7) Kafeteria

IF mempunyai sebuah kafeteria yang menyediakan makanan untuk pekerja-pekerja IF, peserta kursus dan para pengunjung yang melawat IF. Kafeteria ini terletak bersebelahan dengan Dewan Konferen. Kedudukannya yang bersebelahan dengan Dewan Konferen memudahkan perjalanan program-program yang dianjurkan<sup>68</sup>.

## 3.8 Markfield Institute of Higher Education (MIHE)

### 3.8.1 Pengenalan

MIHE adalah sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang ditubuhkan oleh IF dengan kerjasama University of Portsmouth. Ia ditubuhkan pada tahun 1999 dan memulakan sesi akademiknya yang pertama pada bulan September 2000<sup>69</sup>. MIHE kini mempunyai lima tenaga pengajar sepenuh masa, tiga tenaga pengajar separuh masa, seorang Sarjana Pelawat (Visiting Lecturer), 22 pelajar M.A dan 12 pelajar Ph.D dari pelbagai negara seperti Malaysia, India, Mesir, Brunei, Pakistan, Kanada, Mauritius, Afrika dan lain-lain<sup>70</sup>. Bahagian ini cuba melihat latarbelakang, program dan cabaran serta prospek MIHE.

---

<sup>67</sup> Pemerhatian.

<sup>68</sup> *Ibid.*

<sup>69</sup> Annual Report 1999, *loc.cit.*, h.8.

<sup>70</sup> Nizam Mohamed, Penyelaras Akademik MIHE, temubual, 31 Jun 2002.

### **3.8.2 Latarbelakang MIHE**

Menurut penyelaras MIHE, Sdr.Nizam Mohamed, penglibatan IF selama dua puluh tujuh tahun dalam bidang penyelidikan dan pendidikan menjadi asas penting di sebalik penubuhan MIHE. IF dalam hal ini perlu bergerak menuju ke arah prospek yang lebih baik dengan menubuhkan sebuah institut bertaraf universiti<sup>71</sup>.

Menyorot kepada latarbelakang penubuhan MIHE, terdapat beberapa pertemuan telah diadakan bagi membincangkan penubuhannya. Bermula pada Mac tahun 1998 di Oxford, Julai 1998 di Portsmouth, Febuari 1999 di Markfield, Leicester dan akhirnya pada Mei 1999 di Oxford, University of Portsmouth telah bersetuju menubuhkan MIHE<sup>72</sup>.

Persetujuan penubuhan MIHE oleh University of Pormouth adalah berdasarkan reputasi yang telah ditunjukan oleh IF dalam bidang penyelidikan serta kerjasamanya dengan beberapa Universiti seperti University of Loughborough dalam program akademik Penubuhan ini menandakan era baru kepada IF sekaligus membuktikan keupayaan institusi Islam untuk bergerak secara dinamik dalam situasi yang agak kompetitif.

### **3.8.3 Objektif MIHE**

Tujuan MIHE ditubuhkan menurut Nizam Mohamed, penyelaras MIHE ialah<sup>73</sup> :

---

<sup>71</sup>Nizam Mohamed, temubual, 1 Ogos 2000.

<sup>72</sup>*Prospectus MIHE 2000*. Leicester: The Islamic Foundation, h.2.

<sup>73</sup>Nizam Mohamed, temubual, 1 Ogos 2000.

- Untuk menyediakan pendidikan Islam di peringkat tinggi
- Membolehkan para pelajar mempelajari Islam dengan kaedah Barat tetapi dalam suasana persekitaran Islam.

Dalam Buku Pengenalan MIHE dinyatakan bahawa objektif institusi ini ialah untuk melahirkan sarjana Muslim<sup>74</sup>. Dr. Ataullah Siddiqui, Timbalan Pengarah MIHE menambah bahawa MIHE mempunyai matlamat melahirkan pelajar yang boleh menguasai ilmu tradisi Islam dan moden<sup>75</sup>. Matlamat ini sesuai dengan aspirasi al-Qur'an yang menggesa manusia agar mencari ilmu:

\*وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَةً فَلَوْلَا دَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ  
مِنْهُمْ طَرِيقٌ لِيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُذَرُوا أَقْوَامًا إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ  
لَعَلَّهُمْ يَخَذُّونَ

Maksudnya :

*Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam ugama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).*

Terjemahan Surah al-Tawbah (9) : 122.

Matlamat MIHE untuk melahirkan sarjana Muslim berwibawa seperti yang dijelaskan dalam Buku Pengenalan MIHE adalah hasil daripada peluang yang disediakan oleh MIHE kepada generasi kini untuk mendapatkan pendidikan tinggi.

<sup>74</sup> Prospectus MIHE 2000, h.2.

<sup>75</sup> Ataullah Siddiqui, Timbalan Pengarah MIHE, temubual, 31 Mei 2002.

Dengan itu dapatlah dikatakan bahawa matlamat yang tersebut di dalam buku Pengenalan MIHE tersebut adalah selaras dengan matlamat yang dinyatakan oleh Saudara Nizam Mohamed.

### **3.8.4 Pentadbiran MIHE**

Perjalanan pentadbiran MIHE diawasi oleh dua badan utama, iaitu :

#### **1) Lembaga Akademik**

Lembaga Akademik (Academic Board) ialah sebuah badan yang berperanan menilai dan memantau program-program akademik MIHE serta memberi nasihat berkaitan soal-soal akademik<sup>76</sup>. Lembaga Akademik mengandungi ahli-ahli akademik berwibawa sama ada di peringkat nasional maupun internasional.

#### **2) Majlis Penasihat Antarabangsa**

Majlis Penasihat Antarabangsa (International Advisory Council) pula berperanan mengawasi dan memandu aktiviti atau program MIHE berdasarkan kapasitinya sebagai badan penasihat. Nasihat yang diberikan oleh ahli Majlis penasihat Antarabangsa ini adalah berdasarkan kepada pengalaman pendidikan dalam konteks negara masing-masing<sup>77</sup>.

Majlis ini mengandungi tokoh-tokoh terkemuka dalam bidang pengajian Islam dan pendidikan. Antaranya ialah Prof.John L.Esposito, Director Centre for Muslim-Christian Understanding, Georgetown

---

<sup>76</sup>Kurshid Ahmad, temubual, 31 Mei 2002.  
<sup>77</sup>*Ibid.*

University, Washington dan Prof.Mohd.Kamal Hasan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia<sup>78</sup>.

### 3.8.5 Program yang ditawarkan

Sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi, buat permulaan MIHE menawarkan program pengajian peringkat ijazah lanjutan iaitu di peringkat Sarjana (M.A dan M.Phil) dan Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian Islam<sup>79</sup>.

Bagi program di peringkat sarjana, terdapat dua jenis program yang ditawarkan, iaitu program M.A secara kerja kursus dan M.Phil secara penyelidikan. Program M.A mengambil masa selama setahun bagi calon sepenuh masa dan dua tahun bagi calon yang mengikutinya secara separuh masa. Kursus-kursus yang ditawarkan di peringkat Sarjana bagi program M.A secara kerja kursus di bahagikan kepada dua bahagian iaitu subjek teras (Core Subjects) dan subjek pilihan atau elektif (Optional)<sup>80</sup>. Subjek-subjek teras ialah seperti berikut Islamic Thought & Sources, Major Trends in Muslim Thought, Islamic History dan Islamic Economics<sup>81</sup>. Manakala subjek-subjek pilihan pula ialah Islamic Banking and Finance, Muslim Political Thought, Islam in Europe, Islam, Women and Feminism, Islamic Movements and Revival dan Islam and Pluralism<sup>82</sup>.

Pelajar-pelajar perlu mengambil mana-mana dua daripada empat kursus teras yang ditawarkan dan mengambil mana-mana tiga daripada enam kursus

<sup>78</sup> Prospectus MIHE 2000, h.10-11.

<sup>79</sup> Ibid., h.4.

<sup>80</sup> Ibid., h.6.

<sup>81</sup> Ibid.

<sup>82</sup> Ibid., h.6-7.

pilihan yang ditawarkan. Kursus-kursus ini menggabungkan aspek tradisi ilmu Islam dan isu-isu kontemporari. Tujuan kursus ini ialah untuk memahirkan pelajar dalam ilmu tradisi Islam dan mampu menghadapi cabaran semasa berdasarkan kepakaran dan kemampuan yang ada pada mereka.

Program M.Phil pula adalah program penyelidikan sepenuhnya (by research). Ia mengambil masa selama antara satu (minima) hingga tiga tahun (maksima) bagi calon sepenuh masa. Manakala bagi calon yang mengikutinya secara separuh masa, ia mengambil masa di antara dua (Minima) hingga empat tahun (maksima)<sup>83</sup>.

Program Doktor Falsafah mengambil masa dua (minima) hingga empat tahun (Minima) bagi calon sepenuh masa dan tiga (minima) hingga enam tahun (maksima) bagi calon separuh masa<sup>84</sup>.

### **3.8.6 Cabaran dan Prospek MIHE**

Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang baru, MIHE berhadapan dengan beberapa cabaran. Antara cabaran yang dikenal pasti ialah:

- 1) MIHE perlu menunjukkan prestasi yang baik dan meyakinkan sama ada dalam aspek akademik (tenaga akademik), pentadbiran, sistem (e.g sistem peperiksaan) dan kemudahan pelajar termasuk asrama dan tempat belajar.

---

<sup>83</sup> *Ibid.*, h.4.

<sup>84</sup> *Ibid.*

Hakikat ini diakui oleh Penyelaras MIHE iaitu Nizam Mohamed<sup>85</sup>. Aspek yang disebutkan itu penting dalam menentukan masa depan MIHE sebagai sebuah institusi yang baru.

Buat sementara waktu MIHE masih boleh bersandar kepada kemudahan-kemudahan yang terdapat di Markfield Conference Centre seperti perpustakan, dewan konferen dan asrama. Di peringkat permulaan ini juga, MIHE boleh bergantung kepada pegawai-pegawaiannya yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat Sarjana mahupun Doktor Falsafah.

Di peringkat permulaan dengan jumlah pelajar yang sedikit jumlahnya, MIHE dianggap tidak ada masalah menawarkan tempat kepada para pelajarnya dan melaksanakan program akademik. Namun perkembangan akan datang dengan jangkaan berlakunya pertambahan jumlah pelajar, MIHE memerlukan sebuah kampus yang lebih besar lengkap dengan kemudahan pembelajaran, rujukan dan penginapan selaras dengan kedudukannya sebagai sebuah universiti.

- 2) Pelajar-pelajar yang datang menurut Nizam, kebanyakannya mereka tidak ada penaja. Ini menjadi masalah kepada MIHE. Pihak MIHE tidak boleh membantu mereka dalam hal ini. Cuma apa yang boleh dilakukan oleh MIHE ialah memberi diskauan kepada yuran pengajian pelajar-pelajar dan membantu mereka mendapatkan penaja bagi membiayai pengajian mereka<sup>86</sup>.

---

<sup>85</sup>Nizam Mohamed, MIHE Academic Co-Ordinator, temubual, 1 Ogos 2000.

<sup>86</sup>Nizam Mohamed, temubual, 30 Jun 2002.

Bagi menghadapi cabaran mendatang, pihak IF telah menyediakan beberapa rancangan dan persediaan ke arah menjadikan MIHE sebagai sebuah insitut pengajian tinggi Islam yang ideal. Persediaan terdekat yang dilakukan oleh MIHE ialah mewujudkan kampus sendiri. Satu kawasan seluas tujuh ekar telah dibeli dengan harga 650.000 pound sterling bagi tujuan tersebut<sup>87</sup>. Mengikut cadangan IF, kampus baru ini akan mengandungi:

1. bangunan pentadbiran
2. bangunan akademik
3. auditorium dan dewan sukan (indoor)
4. bangunan asrama pelajar dan
5. dua bangunan serbaguna untuk setor, kedai, persatuan pelajar dan kolam renang.

Perbelanjaan membina kampus baru ini dianggarkan mencecah ke angka 5,500,000 juta pound sterling<sup>88</sup>. Pembinaan kampus ini akan menjadikan MIHE sebuah institusi kebanggaan IF sekaligus menampilkan Islam sebagai agama dinamik. Selain pembinaan kampus, IF juga giat mempromosi MIHE ke luar negara. Contohnya pada awal tahun 2000 satu delegasi yang diwakili Chowdury Mueen-Uddin dan Nizam Mohamed telah dihantar ke beberapa negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Brunei dan Singapura untuk tujuan memperkenalkan MIHE kepada masyarakat di rantau ini<sup>89</sup>.

<sup>87</sup> Prospectus MIHE, *loc. cit.*, h.10.

<sup>88</sup> *Ibid.*

<sup>89</sup> *IF Newsletter*, Oktober 2001, no.19, h.8.

Berdasarkan pencapaian IF dalam bidang penyelidikan dengan pegawai-pegawaiannya yang mempunyai kelayakan akademik yang tinggi, hubungannya yang baik dengan beberapa universiti di Britain serta kemudahan-kemudahan yang ada MIHE mempunyai prospek yang baik dan cerah untuk menjadi sebuah universiti berwibawa pada masa akan datang. Harapan ini akan tercapai dengan kebijaksanaan IF memanfaatkan segala potensi yang ada dan merebut segala peluang yang muncul.

### **3.9 Kesimpulan**

Sejak memulakan operasinya pada tahun 1973, IF terus mengorak langkah melaksanakan pelbagai program bagi merealisasikan matlamat yang telah ditetapkan. Komitmen dan kesungguhan IF menggerakkan usaha mencapai matlamatnya dapat dilihat melalui kewujudan sistem pentadbiran yang teratur (Jawatankuasa Pentadbiran) dan prasarana untuk kemudahan penyelidikan khususnya perpustakaan.

Penubuhan unit-unit di bawah Jawatankuasa Akademik seperti Unit Ekonomi Islam, Unit Islam di Eropah, Unit Antara Kepercayaan (Interfaith Unit), Unit Pengajian Islam, Qur'an dan Seerah serta Unit Pendidikan adalah di antara usaha-usaha IF melaksanakan agenda dakwahnya dalam pelbagai bidang sama ada terhadap Muslim maupun non-Muslim secara lebih sistematik dan berkesan. Penubuhan MIHE pula telah membuka dimensi baru kepada IF dalam bidang pendidikan tinggi sekaligus merupakan usaha mempertingkatkan reputasinya sebagai sebuah organisasi dakwah dan pendidikan yang berwibawa.